

BULETIN USR 2022 | ISU 1


# APA HABA Q HANGPA?



اَلْمَدِينَةُ الْمَوْجِدَةُ  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat & Alumni  
UiTM Cawangan Pulau Pinang  
13500 Permatang Pauh  
Pulau Pinang

# Program Pemerkasaan Komuniti: Explorace “Ready Set Go”



oleh **Anamaria binti Ishak, Dr. Roslizawati binti Ahmad, Dr. Noor Ashikin binti Basarudin, Dr. Sitti Aminah binti Baharuddin & Dr. Nor Khadijah Azhari**



Jabatan Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang dengan kerjasama dari Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK) Pokok Machang, Tasek Gelugor, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang dengan jayanya telah menjalankan projek pemerkasaan komuniti iaitu program Explorace “*Ready-Set-Go*” bertempat di Masjid Jamiul Sharif Pokok Machang, Tasek Gelugor, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang pada 2 Julai 2022. Projek ini melibatkan seramai 60 peserta dari kalangan pelajar

sekolah rendah berumur 11 tahun dan 12 dari Sekolah Kebangsaan Pokok Machang, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang. Projek pemerkasaan komuniti ini merupakan tugasan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi dan bertujuan untuk menjalinkan hubungan di antara universiti dan komuniti setempat. Selain itu projek ini juga diharapkan dapat menarik minat serta memberi keseronokan kepada para peserta untuk mempelajari pelbagai bidang ilmu melalui aktiviti explorace serta dapat memupuk semangat berpasukan

dan kerjasama di kalangan peserta. Perasmian program Explorace “*Ready-Set-Go*” telah dilakukan oleh Yang Berbahagia Dato’ Haji Ahmad bin Darus, Setiausaha Politik Menteri Perumahan dan Kerajaan tempatan merangkap pengerusi masjid Jamiul Sharif Pokok Machang. Manakala yang berhormat Nor Hafizah binti Othman, Ahli Dewan Undangan Negeri Permatang Berangan telah merasmikan majlis penutupan program. Program dimulakan dengan acara senamrobik pada jam 8.00 pagi dan diikuti dengan

pelepasan peserta untuk aktiviti explorace pada jam 8.30 pagi. Aktiviti tersebut berakhir pada jam 11.30 pagi, dan disusuli dengan sesi penyampaian hadiah pada jam 12.00 tengahari. Program tersebut telah berakhir pada jam 1.00 petang. Dalam pada itu, program ini berlangsung dengan membawakan lapan (8) aktiviti atau tema yang dijalankan sepanjang explorace bertujuan untuk mencapai objektif program serta membolehkan pelajar mempelajari ilmu melalui aktiviti fizikal dan berkumpulan. Aktiviti ini melibatkan matapelajaran

sekolah rendah seperti Sejarah, Pendidikan Islam, Sains, Pendidikan Jasmani, Matematik, Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu dan Kesukarelaan *teamwork*. Setiap aktiviti mempunyai tugas dan objektif yang harus dilakukan dan dicapai oleh pelajar. Tugas dan objektif aktiviti adalah seperti jadual di bawah. Keseluruhan aktiviti telah dijalankan secara berkumpulan. Melalui aktiviti-aktiviti ini, parapelajar dapat mempelajari pelbagai ilmu melalui aktiviti yang dianjurkan berdasarkan peraturan-peraturan yang

ditetapkan, kepentingan menepati masa dan kerjasama kumpulan untuk mencapai sesuatu matlamat. Aktiviti yang dijalankan sepanjang program ini telah mencapai objektif program dalam mengeratkan dan mendekatkan hubungan UiTM dan masyarakat setempat khususnya komuniti Pokok Machang, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang serta memberi keseronokan dan menarik minat belajar para peserta dalam mempelajari ilmu serta memupuk nilai murni di kalangan peserta.

